

Majoriti kakitangan awam komited, ikhlas

By 30.01.2008 M9

KUALA LUMPUR: Sebahagian besar kepimpinan dan kakitangan di sektor awam jauh lebih berkeupayaan dan berkelayakan berbanding rakan mereka di sektor swasta, kata seorang anggota Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (Pemudah).

Ahli Pemudah, Tan Sri G Gnanalingam, berkata anggapan bahawa sektor swasta mempunyai sumber manusia lebih berkeupayaan berbanding perkhidmatan awam tidak selalunya tepat.

"Kami dapati kepimpinan dan kakitangan awam yang berurusan dengan Pemudah mempunyai kefahaman jelas mengenai bidang tugas, berketrampilan, bersopan dan sedia menerima perubahan. Ini adalah perkembangan yang sangat menakutkan."

"Dengan semangat sebegini, kami sungguh yakin perkhidmatan awam akan kembali mencapai kegemilangannya semula dengan keazaman dan keterbukaan kepimpinan tinggi ini dapat diturunkan ke pelbagai peringkat dalam jentera perkhidmatan awam," katanya dalam satu pertemuan dengan *Berita Harian*, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, majoriti kakitangan awam komited dan ikhlas melakukan tugas mereka, bagaimanapun sikap tidak bertanggungjawab segelintir mereka menjejaskan imej keseluruhan sistem perkhidmatan awam negara.

Dianggarkan 10 peratus atau 120,000 daripada keseluruhan 1.2 juta kakitangan awam dikategorikan sebagai 'penumpang' yang tidak menyumbang dalam usaha memacu kecekapan optimum sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Meskipun dari segi peratusan jumlah itu kelihatan kecil, dalam kiraan sebenar jumlah mereka adalah besar dan kewujudan mereka boleh dianggap seperti nila setitik yang merosakkan nama baik keseluruhan perkhidmatan awam, justeru tidak boleh dipandang ringan.

Pemudah yang diberi mandat untuk mengemukakan cadangan bagi meningkatkan kecekapan sistem penyampaian awam berkaitan urusan perniagaan di Malaysia, men-

cari penyelesaian kepada isu itu bukan mudah.

Malaysia mempunyai dasar jelas tetapi dibataskan akibat pelaksanaan yang tidak cekap.

Keadaan itu disebabkan perbezaan agenda kakitangan awam, terutama mereka yang tidak bertanggungjawab dan terbabit dengan rasuah, tidak cekap dan sikap 'tidak kisah' mereka.

"Mengurangkan bilangan kakitangan awam bukan cara terbaik untuk menangani kemerosotan mutu perkhidmatan, terutama jika kita meneliti struktur perkhidmatan awam," kata Gnanalingam yang menganggotai Pemudah sejak pasukan itu ditubuhkan pada 7 Februari 2007.

Mengulas lanjut, beliau berkata, daripada keseluruhan 1.2 juta kakitangan awam di negara ini, guru merangkumi lebih 350,000 orang dan bilangan itu masih tidak mencukupi.

Katanya, dengan mengambil kira pertumbuhan kependudukan di negara ini, penguurangan jumlah guru sudah tentu boleh men-

“Kepimpinan dan kakitangan awam yang berurusan dengan Pemudah mempunyai kefahaman jelas mengenai bidang tugas, berketrampilan, bersopan dan sedia menerima perubahan. Ini adalah perkembangan yang sangat menakutkan. Kami sungguh yakin perkhidmatan awam akan kembali mencapai kegemilangannya”

G Gnanalingam

Ahli Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan


jejaskan masa depan negara yang berharapan modal insan cemerlang untuk memacu pertumbuhan dalam ekonomi yang bersifat global.

Selain guru, kira-kira 300,000 lagi kakitangan awam berkhidmat dalam polis dan tentera, 270,000 dalam bidang kesihatan merangkumi jururawat, attendan dan doktor.

"Keseluruhannya, kita mempunyai hampir sejuta kakitangan awam yang berkhidmat dalam perkhidmatan kritikal. Bakinya, kira-kira 300,000 adalah kakitangan pentadbiran peringkat persekutuan, negeri dan daerah.

"Sebahagian besar kakitangan awam adalah jujur dan komited dengan tugas mereka, tetapi sebilangan kecil yang tidak bertanggungjawab mencemarkan imej perkhidmatan awam. Sasaran sekarang ialah bagaimana kita mengeluarkan 'penumpang' daripada sistem sedia ada.

"Saya percaya usaha ini sudah bermula dengan perubahan pada peringkat kepimpinan. Sementara mereka yang tidak



dapat menyumbang diturunkan pangkat atau ditukarkan kepada jawatannya yang kurang kritikal dan sebahagiannya pula sudah bersara awal. Ini menunjukkan kerajaan benar-benar tegas dan serius sekarang," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika mengambil teraju kepimpinan negara memutuskan untuk menghentikan terus kemerosotan mutu perkhidmatan awam.

Beliau membentuk satu kumpulan pegawai kanan kerajaan untuk merealisasikan wawasannya itu.

Pasukan itu ditunjangi Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Sidek Hassan; Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Tan Sri Ismail Adam; Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Datuk Wan Abdul Aziz Wan Abdullah; Ketua Pengarah Unit Koordinasi Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Khalid Ramli dan Ketua Pengarah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), Datuk Abdul Rahman Mamat.

Turut serta ialah Ketua Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Datuk Hasmah Abdullah; Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Mampu), Datuk Normah Md Yusof; Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, Datin Arpah Abdul Razak dan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Faizah Mohd Tahir.

"Sementara sektor swasta mungkin merungut mengenai kepimpinan wanita dalam dunia perniagaan, sektor awam bagaimanapun mengembangkan bakat kepimpinan wanita menerajui jabatan dan kementerian.

"Jika kita meneliti latar belakang pendidikan dan latihan yang mereka lalui adalah amat menakutkan.

"Kami di Pemudah sepakat, kumpulan pelopor yang dikumpulkan Mohd Sidek adalah ikhlas, berwibawa dan berkualiti dalam usaha mereka untuk menyemarak dan mempertingkatkan kembali mutu perkhidmatan awam negara," katanya.